

# Awang Batil

Oleh **REJAB F.I.**

**A**WANG BATIL merupakan penglipur lara yang begitu popular pada tahun 1930-an dan 1940-an ketika masyarakat terutama para petani memerlukan hiburan dan pendidikan.

Awang Batil memperkembangkan kesenian bangsa melalui tradisi lisan atau sastera klasik. Awang Batil menghibur dan mendidik masyarakat melalui sekian banyak cerita klasik yang dipusakainya. Melalui cerita Awang Batil, dapatlah dilakukan kajian tentang sejarah, kebudayaan, antropologi, bahasa, dan sastera Melayu.

Dahulu Awang Batil mengembara dari sebuah rumah ke sebuah rumah dan dari sebuah kampung ke sebuah kampung. Beliau duduk di tengah-tengah rumah, la-zimnya rumah Ketua Kampung,

dikelilingi penduduk kampung itu, lelaki perempuan, tua dan muda serta kanak-kanak mendengar ceritanya.

Awang Batil bercerita hingga larut malam, jika tidak selesai cerita itu akan disambung pula pada malam esoknya. Lumrahnya tiga hingga tujuh malam barulah selesai sesebuah cerita yang diceritakannya, seperti drama bersiri dalam televisyen dewasa ini.

Antara cerita yang sering dipersembahkannya ialah, *Awang Ada Duit Semua Jadi, Jabat Jabet, Awang Akar Larak, Awang Veliga Embun, Awang Segan, Awang Denoi, Mek Siti Galing, Raja Dewa Lok, Raja Darah Putih, dan Malim Deman*.



Nama asal persembahan Awang Batil ialah Awang Belanga. Oleh sebab belanga agak besar dan kurang sesuai digunakan untuk dipukul sebagai alat muzik mengiringi cerita, maka ditukar kepada batil (sejenis bekas air), yang bunyinya lebih menarik, bersih, dan mudah dibawa ke mana-mana.


Selepas kemerdekaan, satu-satunya Awang Batil yang terdapat di Perlis dipersembahkan oleh Encik Mahmud Wahid, dari Kampung Pokok Sena, Chuping, Perlis. Mahmud mempersembahkan Awang Batil dalam majlis keramaian, di institut pengajian tinggi sebagai bahan kajian, dan di majlis kenduri perkahwinan. Beliau meninggal dunia pada 4 Januari 1992, ketika berumur 89 tahun.

Allahyarham Pak Mahmud benar-benar penggiat seni, bukan sahaja berkebolehan mempersembahkan Awang Batil, beliau juga mempersembahkan Gendang Tarinai, Hadrah, Wayang Kulit, sebagai pelakon Dike, Makyung, pemain Canggung, Ronggeng, dan Gendang Perlis.

Warisan ini dipelopori pula oleh anaknya Ramli Mahmud, 48 tahun. Akan tetapi, selama beberapa tahun sepeninggal ayahnya, Ramli tidak mempersembahkan Awang Batil meskipun mempunyai bakat yang diakui sendiri oleh ayahnya. Alatan Awang Batil disimpan di Muzium Perlis.

Pada tahun 1998 apabila hendak diadakan Pesta Kesenian Tradisional Negeri Perlis di Tasik Melati, Ramli dipujuk supaya mempersembahkan Awang Batil. Tapi katanya, "Tengoklah bapa tu, apa yang dia tinggal dari permainan Awang Batil?"

Memang tidak ada harta yang ditinggalkan oleh Allahyarham Pak Mahmud hasil pengorbanannya memperkembangkan warisan bangsa, Awang Batil, dan kesenian yang lain. Rumah kediamannya ketika itu didirikan hasil pertolongan



Ramli Mahmud, mempersembahkan Awang Batil untuk memelihara warisan bangsa.

Persatuan Penulis Perlis (3P) dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK). Malah, tapak rumahnya merupakan tanah simpanan jalan kereta api!

Setelah puas dipujuk, akhirnya Ramli bersetuju dengan syarat ada pengiring untuk membantunya. Seorang rakan rapat ayahnya, Encik Sharif bertindak selaku dalang dalam persembahan wayang kulit ayahnya, bersetuju mengiringi Ramli semasa mempersembahkan Awang Batil.

Semenjak itu Ramli sudah berani mempersembahkan Awang Batil dalam majlis keramaian, di Universiti Malaya, di Universiti Sains Malaysia sebagai bahan kajian, serta dirakam oleh TV3, RTM serta Dewan Bahasa dan Pustaka.

Di samping Awang Batil, Encik Ramli juga pemain Gendang Tarinai, Gendang Perlis, dan muzik asli. Beliau juga berkemampuan menggesek biola dan meniup serunai. Beliau pernah ke Switzerland untuk mempersembahkan muzik

Melayu Asli dan ke Singapura untuk mempersembahkan Awang Batil.

Kini Ramli tinggal bersama isterinya Puan Rokiah dan 4 orang anaknya. Beliau tidak mempunyai pekerjaan tetap, sebaliknya cuma bekerja sambilan; menanam tembakau, berkebun sayur, dan mengambil upah menukar rumah.

Ramli pernah bertugas sebagai Tentera Wataniah selama tiga tahun. Sebagai seorang yang kreatif, beliau membuat sendiri biola, serunai, penangin, topeng Awang Batil, alatan rumah, dan pertanian.

Meneliti kebolehannya, adalah dipercuryai suatu masa nanti beliau akan menandingi kebolehan ayahnya kerana beliau berkelulusan sekolah menengah, pandai menyanyi, dan bermain alat muzik tradisional sebagai irungan dalam persembahannya.

#### Puisi Awang Batil

Kembara hidupmu mencecah di dada bulan  
dan mentari menguntum pada batilmu  
sekuntum demi sekuntum ceritamu mekar  
kembara dari desa ke kota  
bersama batilmu penawar lara.

Ketika malam bening  
beralunlah detingan batilmu  
penawar resah dan kelaraan  
antara penghuni desa dengan kota  
yang impikan penghidupan istana.

Kau adalah dalang kehidupan  
penglipur lara yang tidak kunjung padam  
apinya  
menyinari kedukaan dan penghiburan  
tapi hidupmu sepi  
bersama teratak usang dan sebuah batil  
yang menunjang hidupmu zaman-berzaman.

Deritamu terpendam di lubuk keriangan  
milikmu teratak usang dan sebuah batil  
mengandungi impian pada zaman gemilang  
meniti peristiwa dan air mata  
yang kian padam dan suram sinarnya. (db)